

02/02/2001

Dari lima ke 10 tahun (HL)

Zulkofli Jamaludin

PUTRAJAYA, Khamis - Kerajaan sedang mengkaji melanjutkan tempoh Rancangan Malaysia daripada lima kepada 10 tahun dan dijangka dilaksanakan mulai Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan menimbang perkara itu kerana setiap rancangan mempunyai hubungan dengan rancangan seterusnya.

"Malah, Belanjawan Negara tahun ini disesuaikan dengan Belanjawan akan datang.

"Sebagai contoh, dalam Belanjawan tahun lalu, tidak semua peruntukan dibelanjakan dan akan disambung tahun ini," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan di Dataran Putra, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas pandangan ahli ekonomi yang mahu Rancangan Malaysia selama lima tahun sekarang, dilanjutkan bagi membolehkan pertumbuhan lebih cergas.

RM-8 untuk tempoh lima tahun yang bermula tahun ini, dijadual dibentangkan pada persidangan Parlimen akan datang.

Perdana Menteri berkata, beliau akan memantau prestasi semua kementerian bagi memastikan peruntukan tahunan dibelanjakan pada tahun yang sama.

Dr Mahathir berkata, ada kementerian meminta peruntukan untuk pelaksanaan projek, tetapi tidak dijalankan serta merta.

"Mereka perlu memperoleh tanah dan sudah pasti pengambilan tanah itu mengambil masa enam bulan, manakala pembinaan pula memakan masa tiga tahun. Oleh itu, mereka tidak membelanjakan wang dalam tahun yang sama," katanya.

Dr Mahathir berkata, kementerian perlu merancang projek dengan teliti dan sempurna jika mahu melaksanakannya dengan berkesan.

Mengenai rancangan kerajaan selepas pelaksanaan projek Putrajaya pula, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan memberi tumpuan terhadap sektor pertanian.

"Kita perlu meningkatkan pengeluaran dan industri makanan untuk mengurangkan kos import dan seterusnya mengeksport makanan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir membidas Asiaweek kerana sengaja menyiarkan gambar menunjukkan seolah-olah beliau seorang yang bodoh dan letih, dalam keluaran majalah itu 26 Januari lalu.

"Menyiarkan gambar yang menjadikan kita kelihatan seperti bodoh, itu satu perbuatan disengajakan," katanya ketika mengulas mengenai gambar yang tersiar dengan kata-kata "Benarkah Perdana Menteri ini ditinggalkan oleh sebuah Malaysia baru yang beliau majukan", yang mengiringi rencana bertajuk Mahathir's Dilemma.

Gambar itu, yang diambil oleh Munshi Ahmed bagi majalah yang berpejabat di Hong Kong, menunjukkan Dr Mahathir yang berpakaian bush jacket, sebagai seorang yang `tersepuk di kerusi dan kelihatan letih serta lesu akibat kritikan terhadap pemerintahannya', iaitu ungkapan yang digunakan dalam rencana itu.

Temu bual itu dikendalikan editor Asiaweek, Dorinda Elliot, Pengarang Urusan Salman Wayne Morrison dan wakilnya di sini, Arjuna Ranawana.

Dr Mahathir berkata, beliau terpengaruh dengan senyuman dan kemesraan tiga wartawan majalah itu yang berjaya memujuknya keluar dari pejabat di Jabatan Perdana Menteri untuk merakamkan hampir 200 gambarnya.

"Mereka mengambil hampir 200 gambar, tetapi memilih foto yang `amat

sesuai sekali'," katanya.

Perdana Menteri berkata, sesiapa yang bekerja hampir 24 jam sehari dan memperuntukkan masa sedikit untuk berehat, sudah pasti akan berasa letih.

"Sesiapa pun akan kelihatan letih. Saya bekerja hampir 24 jam sehari dan sedikit saja berehat.

"Saya tidak boleh melakukan kerja di pejabat kerana terlalu ramai datang berjumpa. Apabila balik, saya duduk dan menulis semua surat saya dan ucapan," katanya.

Mengulas lanjut jawapannya dalam wawancara itu berhubung apa yang diharapkan beliau akan diingati, Dr Mahathir berkata, apa yang penting ialah apa yang beliau lakukan.

"Saya tidak kisah. Sekiranya orang mengiktiraf saya, okey, tetapi jika tidak pun, okey," katanya.

(END)